

Headline	Maybank Investment terbit lapan waran		
MediaTitle	Kosmo		
Date	27 Jan 2014	Language	Malay
Circulation	115,967	Readership	406,000
Section	Niaga	Page No	51
ArticleSize	77 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 2,008		



Maybank Investment terbit lapan waran

KUALA LUMPUR - Maybank Investment Bank Bhd. (Maybank Investment Bank) menerbitkan lapan waran panggilan (CW) penyelesaian tunai gaya Eropah baharu ke atas lapan saham biasa.

Saham yang terlibat ialah Astro Malaysia Holdings Bhd. (Astro), DiGi.Com Bhd. (Digi), MISC Bhd. (MISC), MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM), Tenaga Nasional Bhd. (TNB), Westports Holdings Bhd. (Westports) dan Zhulian Corporation Bhd. (Zhulian).

Menurut kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam, kesemua waran untuk setiap syarikat itu bakal disenaraikan hari ini dengan saiz terbitan sebanyak 100 juta setiap satu.

“Waran ini ditawarkan oleh beberapa syarikat daripada pelbagai industri berpotensi.

“Ia merangkumi sektor telekomunikasi yang mana industri tersebut bakal melalui pertumbuhan pada tahun ini di samping faktor penerimaan tinggi rakyat negara ini untuk peranti pintar meliputi perkhidmatan 3G dan 4G.

“Dengan dasar rasionalisasi subsidi terhadap tarif elektrik dan gula, ia juga akan dapat memanfaatkan TNB dan MSM pada tahun ini, sekali gus ia akan memberi kesan kepada pendapatan syarikat,” katanya.